

KEMPEN PENDAFTARAN HLB CONNECT DENGAN E-PENYATA

Kemaskini Terakhir: 18 Oktober 2021

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Pendaftaran HLB Connect Dengan E-mel e-Penyata” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“HLISB”) (“secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 18 Oktober 2021 dan berakhir pada 17 April 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini dibuka untuk para pelanggan terpilih Bank yang menerima jemputan melalui SMS, e-mel atau iklan Facebook sasaran dari Bank. Bagi tujuan Kempen ini, pelanggan yang terpilih (“Pelanggan”) merujuk kepada mereka yang:
 - (i) merupakan pemilik Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) yang sedia ada;
 - (ii) mempunyai Pinjaman Auto/Pinjaman Auto-i, Pinjaman Hartanah/Pembiayaan Pinjaman Hartanah-i, Pinjaman Peribadi/Pinjaman Peribadi-i dan/atau Akaun Pembiayaan ASB-i (“Akaun Pinjaman/Pembiayaan-i”) yang semasa dan sah;
 - (iii) tidak mendaftar dengan Perbankan Dalam Talian HLB Connect atau Aplikasi HLB Connect (“HLB Connect”) sebelum Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Akaun Pinjaman/Pembiayaan-i pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
3. Pekerja tetap dan pekerja kontrak Bank tidak layak menyertai Kempen ini.
4. Para pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan pada Klausa 1 di atas boleh mengambil bahagian dalam Kempen ini dan berpeluang memenangi Dua Puluh Ringgit Malaysia (RM20) (“Pulangan Tunai”) dan/atau sebuah Huawei Matepad 11 dengan Smart Magnetic Keyword dengan anggaran nilai runcit Dua Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Lapan Ringgit Malaysia (RM2,598) (“Hadiah Utama”) sepanjang Tempoh Kempen.

Tatacara Kempen

5. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
 - (i) Mendaftar untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dengan mengakses halaman Pendaftaran Connect melalui pautan Kempen ini www.hlb.com.my/EstatementConnect (“Laman Web Kempen”) atau butang atau pautan pendaftaran yang akan disediakan pada laman web Kempen dan semua komunikasi pemasaran bagi Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen (“Pendaftaran Connect”);
 - (ii) Melaksanakan Pendaftaran Connect dengan menaipkan nombor ID dan alamat e-mel e-Penyata mereka bersama dengan kod pendaftaran yang akan dihantar ke alamat e-mel e-Penyata mereka.
 - (iii) Selepas Pendaftaran Connect berjaya, Pelanggan perlu log masuk sekurang-kurangnya satu (1) kali semasa Tempoh Kempen.
(selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak

6. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini ialah Sepuluh Ribu Empat Ratus Ringgit Malaysia (RM10,400). Pulangan Tunai akan diberikan kepada seramai Lima Ratus Dua Puluh (520) orang Pelanggan yang Layak ("**Pemenang Pulangan Tunai**") mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah.
7. Jumlah peruntukan Hadiah Utama bagi Kempen ini terhad kepada enam (6) unit Huawei Matepad 11 dengan Smart Magnetic Keyboard. Hadiah Utama akan diberikan kepada seramai enam (6) orang Pelanggan yang Layak ("**Pemenang Hadiah Utama**") mengikut kaedah pemilihan yang dinyatakan di bawah.
8. Pemenang Pulangan Tunai juga boleh terpilih sebagai Pemenang Hadiah Utama selagi mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah. Setiap Pemenang yang Layak akan menerima hanya satu (1) Pulangan Tunai dan/atau Satu (1) Hadiah Utama sepanjang Kempen ini. Pulangan Tunai dan Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

Kaedah Pemilihan Pemenang

9. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang Pulangan Tunai atau Hadiah Utama, Bank akan memperuntukkan nombor urutan kepada setiap Pelanggan yang Layak yang telah mendaftar untuk HLB Connect dan melakukan log masuk pertama sepanjang Tempoh Kempen bermula dengan nombor urutan "1".

Pemilihan Pemenang Pulangan Tunai

10. Setiap Pelanggan yang Layak ke-50 dengan nombor siri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai: Ke-50, ke-100, ke-150, ke-200 dan seterusnya. Seramai dua puluh (20) orang Pemenang Pulangan Tunai akan dipilih setiap Minggu semasa Tempoh Kempen seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Minggu	Tempoh
1	18 Oktober 2021 - 24 Oktober 2021
2	25 Oktober 2021 - 31 Oktober 2021
3	1 November 2021 - 7 November 2021
4	8 November 2021 - 14 November 2021
5	15 November 2021 - 21 November 2021
6	22 November 2021 - 28 November 2021
7	29 November 2021 - 5 Disember 2021
8	6 Disember 2021 - 12 Disember 2021
9	13 Disember 2021 - 19 Disember 2021
10	20 Disember 2021 - 26 Disember 2021
11	27 Disember 2021 - 2 Januari 2022
12	3 Januari 2022 - 9 Januari 2022
13	10 Januari 2022 - 16 Januari 2022
14	17 Januari 2022 - 23 Januari 2022
15	24 Januari 2022 - 30 Januari 2022

16	31 Januari 2022 - 6 Februari 2022
17	7 Februari 2022 - 13 Februari 2022
18	14 Februari 2022 - 20 Februari 2022
19	21 Februari 2022 - 27 Februari 2022
20	28 Februari 2022 - 6 Mac 2022
21	7 Mac 2022 - 13 Mac 2022
22	14 Mac 2022 - 20 Mac 2022
23	21 Mac 2022 - 27 Mac 2022
24	28 Mac 2022 – 3 April 2022
25	4 April 2022 - 10 April 2022
26	11 April 2022 -17 April 2022

11. Kriteria pemilihan di atas akan diulang bagi Minggu berikutnya sepanjang Tempoh Kempen.

Pemilihan Pemenang Hadiah Utama

12. Setiap Pelanggan yang Layak ke-1,500 dengan nombor siri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama: Ke-15,000, ke-30,000, ke-45,000, ke-60,000 dan seterusnya. Sejumlah Enam (6) orang Pemenang Hadiah Utama akan dipilih untuk memenangi Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.

Pelaksanaan Pulangan Tunai

13. Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan sekiranya mereka terpilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai. Senarai Pemenang Pulangan Tunai akan diterbitkan pada Laman Web Kempen pada 16 Mei 2022.
14. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i para Pemenang Pulangan Tunai pada 8 Julai 2022.
15. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif dengan Bank sehingga 8 Julai 2022 untuk membolehkan pelaksanaan Pulangan Tunai. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
16. Pemenang Pulangan Tunai yang tidak memiliki CASA/CASA-i dengan Bank dikehendaki membukanya sebelum 6 Jun 2022 untuk membolehkan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka.
17. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank sebelum 30 Julai 2022 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

Pelaksanaan Hadiah Utama

18. Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan sekiranya mereka terpilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Senarai Pemenang Hadiah Utama akan diterbitkan pada Laman Web Kempen pada 16 Mei 2022.

19. Hadiah Utama akan dihantar ke cawangan Bank yang terdekat dengan alamat Pemenang Hadiah Utama sebelum 8 Julai 2022 untuk diambil oleh Pemenang Hadiah Utama menggunakan kos dan perbelanjaan mereka sendiri sebelum 31 Oktober 2022. Para Pemenang Hadiah Utama perlu mengambil Hadiah Utama sebelum 31 Oktober 2022 dan sekiranya gagal, Hadiah Utama akan dibatalkan.
20. Pengesahan biometrik diperlukan di cawangan semasa mengambil Hadiah Utama. Sekiranya Pemenang Hadiah Utama tidak dapat mengambil sendiri Hadiah Utama mereka, Pemenang Hadiah Utama boleh menamakan wakil yang dilantik untuk mengambil Hadiah Utama. Wakil dikehendaki menunjukkan kebenaran bertulis daripada Pemenang Hadiah Utama dan salinan fotokopi kad pengenalan (depan & belakang) Pemenang Hadiah Utama atau passport yang terkini dan sah (jika warga asing). Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah Utama dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah Utama yang hilang, dicuri atau rosak). Para Pemenang Hadiah Utama hendaklah berurusan secara terus dengan pembuat/pembekal bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Hadiah Utama tanpa mendapatkan bantuan dari Bank. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan apa-apa barangan lain atau pulangan tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
21. Hadiah Utama yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau [Laman Web Kempen](#) bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah Utama dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Utama.

Am

22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju :
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank (www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my);
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat di bawah Klausa 4 & 5 dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai dan Pemenang Hadiah Utama adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
 - (v) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel mereka kepada vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;
 - (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
 - (vii) mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen, pengumuman Pemenang Pulangan Tunai dan Hadiah Utama (Pelanggan yang Layak bertanggungjawab memeriksa Laman Web Kempen untuk mengetahui sama ada mereka terpilih sebagai pemenang) dan memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
 - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.

23. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen dan/atau halaman Media Sosial rasmi Bank; dan
 - (ii) untuk membatalkan Pulangan Tunai dan Hadiah Utama sekiranya pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pinjaman/Pembiayaan-i dan undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
24. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pinjaman/Pembiayaan-i hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pinjaman/Pembiayaan-i, T&S Kempen yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.
25. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
26. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
27. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.